



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	7/04/2010
MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JAS



PEGAWAI Jabatan Alam Sekitar mengambil contoh minyak pelincir yang diproses dalam serbuan di Balakong dekat Kajang, semalam.

Kilang pelincir palsu disita

KAJANG: Sebuah kilang haram memproses minyak pelincir palsu menggunakan pelbagai jenama antarabangsa terkenal seperti Pennzoil dan Shell terbongkar dalam serbuan di Balakong dekat sini, semalam.

Operasi yang disertai 50 anggota penguat kuasa dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) itu turut menyita

kilang terbabit.

Ketua Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Shariman Md Nor, berkata premis itu dipantau seminggu lalu berdasar aduan lebih lima pengguna yang mendakwa kenderaan mereka rosak selepas menggunakan minyak pelincir dibekal kilang terbabit.

"Siasatan mendapati premis terbabit beroperasi secara haram, tidak berlesen dan mendirikan bangunan tanpa kebenaran MPKj.

"Produk dihasilkan pula

dipercayai daripada bahan sisa minyak terpakai, selain tidak menyimpan dan melupus produk dengan betul," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, jurucakap JAS berkata, pemilik premis terbabit menjadi pembekal tidak berlesen dan tidak mengikut standard serta piawai ditetapkan, di samping sampel minyak diambil bagi mengenal pasti kandungan.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM500,000 dan penjara lima tahun," katanya.